



KADAR CAJ PENGGUNAAN KENDERAAN UMT

Tujuan

1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan bagi kadar caj penggunaan kenderaan UMT mengikut klasifikasi pengguna.

Klasifikasi Pengguna

2. Pengguna-pengguna kenderaan UMT boleh diklasifikasikan seperti berikut:-

a. Pengguna Tidak Dikenakan Bayaran

- i. **Program Rasmi UMT** - seperti mewakili UMT di dalam seminar/pameran/sukan (pelajar/staf) yang disokong oleh Ketua PTJ dan diluluskan oleh Pendaftar.
- ii. **Program Pengajaran** - seperti Aktiviti Amali, Lawatan Kilang Industri yang disokong oleh Ketua PTJ dan diluluskan oleh Pendaftar.
- iii. **Program Kelab-Pelajar** - yang disokong oleh Ketua PTJ/Pegawai yang diberi kuasa dan diluluskan oleh Pendaftar.
- iv. **Program Kelab Kakitangan** - yang disokong oleh Ketua PTJ/Pengerusi Kelab dan diluluskan oleh Pendaftar.

Pengguna kelas ini boleh menuntut semula bayaran tol dan parkir.

b. Pengguna dikenakan Bayaran

- i. Program Penyelidikan Jangka Pendek/Panjang yang mempunyai geran
- ii. Program Bukan Pengajaran/tidak rasmi
- iii. Permohonan oleh agensi luar

Bayaran tol dan parkir adalah tanggungjawab pengguna.

Kadar Bayaran

3. Pengguna yang dikenakan caj sebagaimana berikut:

- Kadar caj ini adalah termasuk tuntutan kerja lebih masa dan elaun-elaun lain yang berkaitan.
- Penggunaan untuk kategori ini adalah bukan untuk tugas rasmi universiti dan mesti mendapat kelulusan daripada Pendaftar.
- Jika *pengecualian diberikan, caj akan dikenakan mengikut kaedah bayaran yang ditetapkan atau diberikan percuma mengikut kelulusan*
- Program yang termasuk di bawah kaedah ini adalah;
 - a) Program tidak rasmi
 - b) Permohonan oleh agensi luar

- Kadar bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut;

Kenderaan	Caj/Jam	
	Waktu Pejabat	Selepas Waktu Pejabat
Proton Perdana	RM25.00/jam	RM30.00/jam
Proton Wira	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Nazaria	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Van Toyota	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Isuzu Rodeo	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Mitsubishi Pajero	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Lori	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Toyota Fortuner	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Toyota Hilux	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Nissan Frontier	RM20.00/jam	RM25.00/jam
Bas	RM40.00/jam	RM60.00/jam

- **** Bagi kenderaan-kenderaan yang belum ditetapkan kadar bayaran, caj yang dikenakan adalah sama dengan kenderaan sedia ada yang setara dengannya***
- * Kadar bayaran bas adalah merujuk kepada GP16/2003 dan kelulusan JKTK8/8/2003.
- ** Bagi pengguna bas yang merupakan kakitangan UMT, merujuk kepada Minit 8/13/2003, Mesyuarat JKTK ke-13 telah bersetuju kadar untuk kakitangan diberikan diskaun sebanyak 50 peratus. Kadar caj yang dikenakan ke atas pengguna hendaklah terlebih dahulu dijelaskan di kaunter bendahari sebelum perjalanan bermula. Pengguna juga adalah bertanggungjawab menyediakan

insuran bagi setiap penumpang yang menaiki
bas tersebut.

Pengendalian Kenderaan Universiti

4. Penggunaan dan pengendalian kenderaan universiti hendaklah berpandukan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Terengganu.

Penutup

5. Peraturan ini hendaklah digunapakai sepenuhnya oleh semua PTJ agar proses penggunaan dan peminjaman kenderaan dapat diperkemaskan, berjalan lancar serta memenuhi keperluan semua pihak.